

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 18/4/2008

Pelbagai pihak sambut baik pengumuman Abdullah

um - 18/4/2008

KUALA LUMPUR 17 April - Pelbagai pihak menyambut baik usaha kerajaan untuk membuat pembaharuan dalam badan kehakiman seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini.

Menurut mereka, penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, menyamak terma perkhidmatan dan gaji hakim-hakim serta bayaran ex-gratia sebagai penghargaan kepada enam hakim yang terbabit dalam krisis badan kehakiman pada 1988 adalah baik walaupun agak terlewat.

Presiden Majlis Peguam, Ambiga Sreenivasan gembira dengan pengumuman Abdullah itu kerana ia membuktikan kerajaan mengakui wujud kesilapan dengan pemecatan hakim-hakim 20 tahun lalu.

"Ia juga gembira kerana malam ini nampaknya tiada seselapa yang berpura-pura dan kita berharap selepas ini semuanya boleh bergerak ke hadapan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri makan malam Majlis Peguam Malaysia di sini.

Mengenai cadangan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, katanya, tindakan segera perlu dilakukan bagi memastikan ia menjadi kenyataan.

Ketua Pembangkang, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, beliau bersetuju dan memberi sokongan terhadap langkah pembaharuan yang telah diumumkan oleh Abdullah itu.

"Bagaimanapun saya rasa langkah ini agak lewat sedikit kerana cadangan berkenaan telah

lama disyorkan," ujarnya.

Timbalan Presiden Pas, Nasharudin Mat Isa berkata, beliau mengalu-alukan langkah terbaru kerajaan itu kerana yakin ia sedikit sebanyak dapat memulihkan kepercayaan terhadap badan kehakiman.

"Permulaan yang bagus dan terima kasih kepada Perdana Menteri," ujarnya.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang berharap, pembaharuan yang dilakukan itu bukan semata-mata kerana berlakunya 'tsunami politik' pada pilihan raya umum lalu.

"Saya juga harap krisis kehakiman pada 1988 tidak berulang lagi kerana ia bukan sahaja merugikan enam hakim terbabit malah seluruh rakyat Malaysia," ujarnya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim dalam reaksinya berhubung penubuhan suruhanjaya itu berkata, ia dijangka dibentang di Parlimen dalam tempoh tiga bulan lagi.

Katanya, masih terlalu awal untuk menentukan proses memilih komposisi anggota-anggota suruhanjaya itu, namun beliau memberi jaminan mereka akan terdiri daripada individu yang pakar dan berwibawa.

"Signifikannya suruhanjaya ini ialah ia membuktikan janji-janji kerajaan untuk melakukan pembaharuan dalam badan kehakiman dan perundangan.

"Ia bukan sekadar memfokuskan kepada pemilihan dan pelantikan hakim-hakim tetapi menjadi pemangkin kepada perubahan dalam institusi-institusi yang lain," katanya.